

Headline	Empat pasukan selangkah ke separuh akhir		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	24 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	314,321
Page No	57	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	210 cm <sup>2</sup>
Journalist	SAIFUL AFFENDY SAPRAN	AdValue	MYR 7,756
Frequency	Daily	PR Value	MYR 23,267



# Empat pasukan selangkah ke separuh akhir

Oleh Saiful Affendy Sapran  
saifulaffendy@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur:** Perlawanan timbal balik suku akhir Piala Milo hari ini cukup menarik apabila tiga daripada empat pasukan yang bakal turun hanya tinggal selangkah untuk mara ke separuh akhir.

UniKL, SSTMI Thunderbolt dan MBI Anderson sudah boleh menyimpan angan-angan untuk beraksi di separuh akhir selepas mencatat kemenangan selesa pada perlawanan pertama kelmarin.

UniKL dilihat pasukan cukup selesa apabila membenam Melaka HS 7-0 kelmarin sekali gus membawa agregat besar menjelang perlawanan kedua hari ini.

Begitu juga SSTMI Thun-



derbolt yang menang 4-0 ke atas juara Divisyen Dua, Sekolah Sukan Kuala Lumpur (SSKL) sementara MBI Anderson menewaskan PHK MSS Kelantan 5-1.

“Saya tidak fikir kami akan mengambil mudah perlawanan esok (hari ini) kerana sasaran utama memang untuk menang.”

“Untuk memastikan kami layak ke separuh akhir, pasukan tetap dibarisi pemain terkuat,” kata pengurus pasukan UniKL, Mohd Faiz Isa yang berharap anak buahnya dapat menebus kekecewaan musim lalu apabila sekadar muncul naib juara selepas tewas pada aksi final.

Satu-satunya perlawanan yang cukup getir hari ini dan memberi peluang sama rata kepada kedua-dua pasukan adalah pertemuan antara SSTMI Jr dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Tanpa diletakkan harapan tinggi, SSTMI Jr mengejutkan MBPJ kelmarin apabila menang tipis 4-3, malah pada satu ketika selesa mendahului 4-1 sebelum lawan merapatkan jurang dengan meledak dua gol.

Meskipun ketinggalan agregat satu gol, peluang masih terbuka luas kepada MBPJ andai mampu bangkit pada perlawanan kedua hari ini di Stadium Taman Daya Johor Bahru.

## LIGA HOKI REMAJA MALAYSIA

### PIALA MILO HARI INI

SSKL **mln** SSTMI  
(Std Kementerian Pelajaran, 5 ptg)

PHK MSS Kelantan **mln** MBI Anderson  
(Std MPKT Terengganu, 5 ptg)

Melaka HS **mln** UniKL  
(Std Hoki Bukit Serindit Melaka, 5 ptg)

SSTMI Juniors **mln** MBPJ  
(Std Hoki Tamanda Daya Johor, 5 ptg)